

## Tawar pelbagai program tepati kehendak industri

# UniKL PILIHAN TERBAIK PELAJAR



Pembelajaran yang menekankan lebih praktikal berbanding teori secara tidak langsung menjadikan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) berbeza daripada institusi pengajian tinggi (IPT) yang lain. Malah, pendekatan itu juga meletakkan UniKL yang dimiliki sepenuhnya oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA), antara universiti pilihan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Asasi, Matrikulasi, Diploma dan lain-lain untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Itulah keunikan UniKL dan ia bertepatan dengan kedudukannya sebagai sebuah universiti teknikal dan keusahawanan terkemuka di negara ini. Pendekatan sistem pembelajaran secara hands-on yang ditekankan itu bertujuan melengkapkan graduan dengan kemahiran berfikir menerusi pengalaman dan penguasaan. Penekanan terhadap keseimbangan antara teori dan praktikal itu juga adalah untuk memastikan graduan yang dihasilkan berketrampilan dan berupaya memenuhi keperluan pasaran pekerjaan.

UniKL menawarkan lebih daripada 130 program daripada 12 kampus yang terdapat di seluruh Semenanjung Malaysia. Semua program yang ditawarkan itu telah mendapat kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Program yang ditawarkan bermula daripada program asasi, diploma, ijazah sarjana muda dan beberapa program pascasiswazah. UniKL mempunyai beberapa pengambilan iaitu pada bulan Jun untuk program asasi, Julai untuk program diploma dan September bagi program ijazah sarjana muda.

Buat masa ini, UniKL mempunyai lebih 19,000 pelajar dan sepanjang penubuhannya sejak tahun 2002, UniKL telah melahirkan lebih 48,000 graduan yang rata-ratanya berjaya dalam kerjaya masing-masing, selain menjadi usahawan berjaya di dalam mahupun luar negara. Selaras dengan cabaran era globalisasi dan memenuhi permintaan industri, UniKL tidak hanya berusaha memastikan graduan dilengkapi pengetahuan teknologi yang kukuh, kemahiran teknikal dan keusahawanan tetapi juga dibekalkan dengan ilmu kepimpinan dengan keperibadian yang tinggi.

Selain itu, sebagai nilai tambah kepada pelajar, universiti tersebut turut menyediakan kursus-kursus profesional yang boleh diikuti pelajar selepas tamat pengajian. Kursus-kursus profesional yang ditawarkan bersesuaian dengan program ijazah atau diploma yang sedang diikuti oleh pelajar. Bukan itu sahaja, UniKL juga menawarkan Program Teknologis/ Profesional Huffaz UniKL Ulul Albab bagi memberi peluang kepada pelajar institusi tersebut yang datang daripada pelbagai latar belakang untuk menjadi seorang hafiz al-Quran. Program ini diperkenalkan sejajar dengan hasrat UniKL untuk menyediakan ruang dan platform bagi golongan hafazan yang berminat melanjutkan pengajian dalam bidang teknikal dan profesional.

Bagaimanapun, program UniKL Ulul Albab ini hanya ditawarkan oleh lapan kampus UniKL iaitu UniKL Kampus Cawangan Malaysian Institute of Chemical and Bioengineering Technology (UniKL MICET), UniKL Kampus Cawangan Royal College of Medicine Perak (UniKL-RCMP), UniKL Kampus Cawangan Malaysian Institute of Industrial Technology (UniKL-MITEC), UniKL Kampus Cawangan British Malaysian Institute (UniKL-BMI), UniKL Kampus Cawangan Malaysia France Institute (UniKL-MFI), UniKL Kampus Cawangan Malaysian Spanish Institute (UniKL-MSI), UniKL Kampus Cawangan Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL-MIMET) dan UniKL Kampus Cawangan Malaysian Institute of Aviation Technology (UniKL-MIAT).

Sebaik tamat pengajian, pelajar bukan sahaja mendapat ijazah, malah memperoleh Sijil Tahfiz Malaysia. Untuk mendapat Sijil Tahfiz Malaysia, pelajar perlu lengkap hafazan 30 juzuk al-Quran dan lulus ujian yang telah ditetapkan.

Pengetahuan praktikal itu adalah aset dan kekuatan setiap graduan UniKL. Apabila menghadiri temuduga, mereka bukan sahaja membawa bersama pengetahuan teori dan praktikal, malah sesetengahnya mempunyai nilai tambah seperti sijil profesional, kemahiran insaniah, pendedahan melalui program kerjasama antarabangsa dan sebagainya.

Pengambilan yang terdekat adalah pada bulan September 2020 bagi program ijazah. Permohonan boleh dibuat melalui laman web [www.unikl.edu.my](http://www.unikl.edu.my). Pinjaman pengajian dari MARA/PTPTN disediakan bagi yang layak.



Where Knowledge is Applied and Dreams Realised

### Program Baru

#### ▶ Bachelor of Information Technology (Hons.) in Internet of Things

JPT/BPP (N/482/6/0197) 07/27, MQA/PSA 13935

#### ▶ Bachelor of Engineering Technology (Water Engineering & Energy) with Honours

JPT/BPP (N/522/6/0081) 01/27, MQA/PA 12954

#### ▶ Bachelor of Engineering Technology (Automated Water & Wastewater System and Operation) with Honours

JPT/BPP (N/523/6/0135) 01/27, MQA/PA 12955

#### ▶ Bachelor of Physiotherapy (Honours)

JPT/BPP (N/726/6/0093) 04/27, MQA/PA 12140

## PENGAMBILAN SEPTEMBER 2020

Mohon sekarang:  
[www.unikl.edu.my](http://www.unikl.edu.my)



**UniKL**  
UNIVERSITI  
KUALA LUMPUR

### Bentuk Masa Depan Anda Di UniKL



**Kurikulum Menepati Keperluan Industri**

Lebih 130 program ditawarkan di 12 kampus seluruh negara



**Pensijilan Profesional**

Sijil diiktiraf "embedded industry"



**Tunjuk Ajar Pakar**

Tenaga pengajar yang berpengalaman dari industri



**Peluang Belajar/Bekerja Di Luar Negara**

Lebih daripada 100 rakan universiti/industri mobiliti di seluruh dunia



**Peluang Pinjaman Pelajaran**

Pelbagai akses untuk pinjaman pelajaran, biasiswa dan geran



**Bimbingan Kerjaya**

Sertai rangkaian luas alumni dan rakan industri



**Kumpulan Pendidikan MARA**

Universiti Kuala Lumpur DU011(W)

+603 2175 4000

Hotline : 1800 888 177

[www.unikl.edu.my](http://www.unikl.edu.my)

Universiti Kuala Lumpur - Officialpage

UniKLOfficial

Universiti Kuala Lumpur

1016 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

pressreader

PRINTED AND DISTRIBUTED BY PRESSREADER  
Press-Reader.com +1 604 278 4604  
COPYRIGHT AND PROTECTED BY APPLICABLE LAW